

## Padah guna perisian cetak rompak

**SHAH ALAM** – Sebuah syarikat kejuruteraan diperkatai menggunakan perisian cetak rompak di serbu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PKPDNHEP) Selangor kelmarin.

Serbuan di sebuah premis di Taman Perindustrian Sime UEP, Subang Jaya dekat sini bermula pada pukul 12 tengah hari.

Pengarah PKPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu dilakukan hasil aduan daripada wakil hak cipta yang mendakwa syarikat itu menggunakan perisian cetak rompak.

Katanya, hasil serbuan itu, sebanyak 15 komputer diperiksa dan pemeriksaan lanjut mendapati dua daripadanya mempunyai perisian salinan langgaran (perisian cetak rompak) bagi aplikasi AutoCad.



DUA buah komputer dirampas gara-gara menggunakan perisian cetak rompak di sebuah premis di Taman Perindustrian Sime UEP, Subang Jaya semalam.

“Kami kemudiannya bertindak merampas dua set komputer terbabit yang bernilai RM4,000 untuk tindakan lanjut.

“Selain itu, anggota serbuan turut merakam keterangan dua pekerja lelaki berusia 28 dan 55 tahun. Bagaimanapun tiada tangkapan dibuat,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Muhamad Zikril Azan berkata, kesemua ram-

pasan itu kemudian di bawa ke Pejabat PKPDNHEP Selangor untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1)(d) Akta Hak Cipta 1987.

Sabit kesalahan boleh di hukum denda tidak kurang RM2,000 dan tidak lebih daripada RM20,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.